


MEASAT

G L O B A L B E R H A D

(dahulu dikenali sebagai Malaysian Tobacco Company Berhad)

(2866-T)



MEASAT-3



KANDUNGAN

2	Maklumat Korporat
3	Lembaga Pengarah
4	Profil Lembaga Pengarah
6	Penyata Pengerusi
10	Penyata Tadbir Urus Korporat
14	Laporan Jawatankuasa Audit
17	Penyata Kawalan Dalaman
19	Maklumat Pendedahan Tambahan
20	Penyata Tanggungjawab Pengarah dalam Menyediakan Penyata Kewangan
21	Penyata Kewangan
56	Analisis Pegangan Saham
59	Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Keempat Puluh Tujuh
60	Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan
	Borang Proksi

MAKLUMAT KORPORAT



LEMBAGA PENGARAH

- **Datuk Umar bin Haji Abu** (Pengerusi)
Pengarah Bebas
- **Ramli bin Ibrahim**
Pengarah Bebas
- **Augustus Ralph Marshall**
Pengarah Bukan Eksekutif
- **Tan Poh Keat**
Pengarah Bukan Eksekutif
- **Dato' Dr Idris bin Ibrahim**
(Pengarah Gantian kepada Tan Poh Keat)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA AUDIT

- **Datuk Umar bin Haji Abu** (Pengerusi)
Pengarah Bebas
- **Ramli bin Ibrahim**
Pengarah Bebas
- **Augustus Ralph Marshall**
Pengarah Bukan Eksekutif

SETIAUSAHA SYARIKAT

- **Chua Sok Mooi**
(MAICSA No. 0777524)

IBU PEJABAT KORPORAT

Aras 7, Menara Maxis
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur

No. Tel. : 603 – 2380 1122
No. Faks: 603 – 2380 7018

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 39, Menara Maxis
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur

No. Tel. : 603 – 2380 6688
No. Faks: 603 – 2380 6500

PENDAFTAR SAHAM

Signet Share Registration Services Sdn. Bhd.
Aras 26
Menara Multi-Purpose
Capital Square
No. 8 Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur

No. Tel. : 603 – 2721 2222
No. Faks: 603 – 2721 2530
603 – 2721 2531

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers
Tingkat 11
Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
Peti Surat 10192
50706 Kuala Lumpur

PEGUAM

Cheong Kee Fong & Co.
Suite 6.03A – 6.08
Tingkat 6
Heritage House
33 Jalan Yap Ah Shak
50300 Kuala Lumpur

BANK-BANK UTAMA

RHB Bank Berhad
Aras 1
Tower Two
RHB Centre
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
2 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

BURSA SAHAM

Bursa Malaysia Securities Berhad
(dahulu dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur)
(Papan Utama)

LEMBAGA PENGARAH



dari kiri ke kanan :

Encik Augustus Ralph Marshall, Encik Tan Poh Keat, Yg. Bhg. Datuk Umar bin Haji Abu,
Encik Ramli bin Ibrahim, Yg. Bhg. Dato' Dr Idris bin Ibrahim

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



DATUK UMAR BIN HAJI ABU

*Pengerusi
Pengarah Bebas*

Yg. Bhg. Datuk Umar bin Haji Abu, seorang warganegara Malaysia berusia 60 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah dan Pengerusi MEASAT Global Berhad pada 25 Ogos 1998. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit sejak September 1998 dan berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan ahli Jawatankuasa Imbuan MEASAT Global Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Diploma Pentadbiran Pembangunan dari University of Birmingham, UK.

Datuk Umar telah melalui kerjaya yang cemerlang dalam perkhidmatan awam, memegang pelbagai jawatan kanan, termasuk sebagai Datuk Bandar Ipoh dari tahun 1988 hingga 1993. Sebelum persaraan daripada perkhidmatan kerajaan pada tahun 1998, beliau merupakan Ketua Setiausaha bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia.

Beliau turut menganggotai lembaga pengarah Bougainvillea Country Club Berhad. Beliau tidak mempunyai sebarang perhubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad, dan tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam apa-apa urusan yang mempunyai konflik dengan urusan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

RAMLI BIN IBRAHIM

Pengarah Bebas

Encik Ramli bin Ibrahim, seorang warganegara Malaysia berusia 63 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah MEASAT Global Berhad pada 28 Jun 2002. Beliau juga telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit Syarikat pada tarikh yang sama. Beliau turut berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Imbuan dan ahli Jawatankuasa Pencalonan MEASAT Global Berhad.

Encik Ramli memperolehi pendidikan dalam bidang perakaunan dan menjalani latihan di Australia dan

mempunyai kelayakan sebagai Akauntan Bertauliah. Beliau kini merupakan Fellow Institute of Chartered Accountants, Australia dan seorang Akauntan Bertauliah (Malaysia).

Selepas mendapatkan kelayakan, beliau menyertai Peat Marwick Mitchell & Co. (kini dikenali sebagai KPMG) Malaysia sebagai Audit Kanan pada 1965 dan naik ke jawatan Rakan Kongsi Kanan, jawatan yang beliau pegang dari tahun 1989 hingga persaraan beliau pada tahun 1995. Encik Ramli merupakan Pengerusi Eksekutif Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange Berhad dari tahun 1995 hingga 2000.

Beliau kini berkhidmat dalam Lembaga Pengarah beberapa syarikat senarai awam dan syarikat-syarikat tidak disenarai termasuk Hua Joo Seng Enterprise Berhad, Jaya Jusco Stores Berhad dan Ranhill Berhad (merupakan syarikat-syarikat disenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia")), Malaysian National Insurance Berhad, Takaful Nasional Sdn. Bhd. dan Peram Ranum Berhad yang merupakan syarikat-syarikat subsidiari MNI Holdings Berhad (tersenarai di Bursa Malaysia) dan HSBC Bank Malaysia Berhad. Beliau juga memegang jawatan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas di Hua Joo Seng Enterprise Berhad.

Encik Ramli tidak mempunyai sebarang perhubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad, dan tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam apa-apa urusan yang mempunyai konflik dengan urusan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

AUGUSTUS RALPH MARSHALL

Pengarah Bukan Eksekutif

Encik Ralph Marshall, seorang warganegara Malaysia berusia 52 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit MEASAT Global Berhad pada 8 Mei 2002.

Beliau adalah Ahli Bersekutu Institute of Chartered Accountants di England dan Wales dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan mempunyai lebih daripada 26 tahun pengalaman dalam bidang kewangan dan pengurusan am.

●● PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan)

Encik Ralph Marshall adalah Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ASTRO ALL ASIA NETWORKS plc, sebuah syarikat yang disenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia") yang merupakan syarikat media bersepadu yang terulung di Malaysia; Pengarah Eksekutif Tanjong Public Limited Company, (disenarai di Bursa Malaysia dan London Stock Exchange plc) yang terlibat dalam perniagaan istirehat, hiburan dan penjaan tenaga; Pengarah Bukan Eksekutif Maxis Communications Berhad (disenarai di Bursa Malaysia), penyedia komunikasi mudah alih terulung di Malaysia dan Pengarah Eksekutif Usaha Tegas Sdn. Bhd., yang mempunyai kepentingan ketara dalam syarikat-syarikat yang disebutkan di atas.

Jawatan pengarah lain yang beliau sandang termasuk KLCC (Holdings) Berhad, pemaju dan pengurus pembangunan Kuala Lumpur City Centre dan Arnhold Holdings Limited (disenarai di The Stock Exchange of Hong Kong Limited) yang terlibat dalam kontrak untuk industri bangunan dan pembinaan.

Beliau tidak mempunyai sebarang perhubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad dan tidak mempunyai sebarang pengaturan perniagaan dengan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya yang mana beliau mempunyai kepentingan peribadi. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

TAN POH KEAT

Pengarah Bukan Eksekutif

Encik Tan Poh Keat, seorang warganegara Malaysia berusia 67 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah MEASAT Global Berhad pada 17 Disember 2003.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrikal) dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan, keduanya dari Auckland University, New Zealand di bawah Colombo Plan Scholarship.

Beliau menyertai Jabatan Telekom Malaysia (JTM) pada tahun 1962 sebagai jurutera dan berkhidmat dalam pelbagai jawatan, yang terakhir sebagai Timbalan Ketua Pengarah. Kemudian, beliau menyertai Telekom Malaysia Berhad sebagai Pengarah, Khidmat Rangkaian dan bersara pada akhir tahun 1991. Kini, Encik Tan Poh

Keat merupakan perunding bebas kepada beberapa syarikat tempatan dan antarabangsa.

Beliau telah menyandang jawatan sebagai Pengarah Telekom Malaysia Berhad sejak 29 Ogos 2000. Beliau turut menganggotai beberapa Lembaga Pengarah syarikat-syarikat subsidiari Telekom Malaysia Berhad yang termasuk VADS Berhad (disenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad), Celcom (Malaysia) Berhad dan Technology Resources Industries Berhad.

Encik Tan Poh Keat tidak mempunyai sebarang perhubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad dan tidak mempunyai sebarang pengaturan perniagaan dengan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya yang mana beliau mempunyai kepentingan peribadi. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

DATO' DR IDRIS BIN IBRAHIM

(Pengarah Gantian kepada Encik Tan Poh Keat)

Yg. Bhg. Dato' Dr Idris bin Ibrahim, seorang warganegara Malaysia berusia 52 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Gantian kepada Tan Poh Keat pada 17 Disember 2003.

Beliau memulakan kerjaya beliau dengan Jabatan Telekom Malaysia (JTM) pada tahun 1974 dan telah memegang pelbagai jawatan dalam bidang kejuruteraan, pemasaran dan pengurusan sumber manusia. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi TM Telco pada bulan Februari 2001.

Dato' Dr Idris turut menganggotai Lembaga Pengarah VADS Berhad (sebuah syarikat subsidiari Telekom Malaysia Berhad) yang disenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad dan Malaysian Access Forum Berhad, sebuah organisasi bukan berorientasikan keuntungan.

Beliau tidak mempunyai sebarang perhubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MEASAT Global Berhad dan tidak mempunyai sebarang pengaturan perniagaan dengan Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiarinya yang mana beliau mempunyai kepentingan peribadi. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

PENYATA PENERUSI



“Kumpulan telah mencapai kemajuan ketara dalam persediaan bagi melaksanakan fasa seterusnya strategi pertumbuhan organisasi: penyediaan, pelancaran dan pemasaran satelit MEASAT-3...”



Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan MEASAT Global Berhad (“Syarikat”) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

TINJAUAN OPERASI

Tahun 2003 menyaksikan Kumpulan terus membina kehadiran dan mengukuhkan kedudukannya di seluruh pasaran utama Asia Tenggara. Tahun ini menyaksikan peningkatan pengambilan kapasiti oleh pelanggan sedia ada, serta para pelanggan baru di Malaysia, IndoChina, Filipina, Singapura dan Asia Selatan. Walaupun wujud persaingan, Kumpulan telah berjaya membuat rundingan semula terma-terma dan mengekalkan akaun-akaun penting dalam pasaran terasnya termasuk di Malaysia, IndoChina dan Filipina.

Tahun yang ditinjau menyaksikan penamatan transponder MEASAT-2 Ku-band yang disewa oleh dua pelanggan. Kedua-duanya meneruskan penyewaan mereka daripada Kumpulan dengan amaun kapasiti Ku-band yang lebih rendah melalui satelit yang sama. Dengan permintaan yang teguh terhadap kapasiti C-band, syarikat subsidiari Kumpulan, Binariang Satellite Systems Sdn. Bhd. (“BSS”) telah menyelaraskan semula satelit MEASAT-2 pada tahun ini bagi meningkatkan bilangan transponder C-band yang tersedia. Usaha pemasaran kapasiti tambahan ini membolehkan Kumpulan mencapai peningkatan ketara dalam penggunaan transponder C-band pada satelit MEASAT-2 sepanjang tahun.

Pada akhir tahun 2003, penggunaan rangkaian satelit MEASAT adalah pada tahap 79% berbanding 87% pada akhir tahun 2002. Hasil tertunggak Kumpulan pada akhir tahun ini adalah pada kadar 2.7 tahun. Kadar penggunaan satelit dan hasil tertunggak ini masih kekal antara yang tertinggi dalam industri.

Kumpulan meneruskan usaha membangunkan asas pelanggan yang berpelbagai. Pada akhir tahun 2003, 40% daripada penggunaan transponder MEASAT adalah untuk penyiaran, 54% untuk telekomunikasi dan 6% untuk pelanggan IP. Dari segi geografi, 45% daripada pelanggan MEASAT berpangkalan di Malaysia dan 55% dari negara-negara lain di Asia Tenggara atau Asia Selatan.

PEMBANGUNAN UTAMA

Pada tahun 2003, Kumpulan telah mencapai kemajuan ketara dalam persediaan bagi melaksanakan fasa seterusnya strategi pertumbuhan organisasi: penyediaan, pelancaran dan pemasaran satelit MEASAT-3. Ini meliputi khususnya:



●● PENYATA Pengerusi (sambungan)

MEASAT-3: Pada Mac 2003, BSS telah menempah satelit ketiga Kumpulan, MEASAT-3 dari Boeing Satellite Systems International, Inc. Satelit ini akan ditempatkan secara bersama MEASAT-1 di 91.5°E. Satelit baru ini akan mengembangkan kapasiti Kumpulan di lokasi ini sambil menyediakan kelebihan satelit pada orbit untuk pelanggan sedia ada. MEASAT-3, satelit model Boeing 601 HP dijadual akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2005 menggunakan pelancar ILS Proton Breeze dari Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan.

Sejak pengumuman pemerolehan MEASAT-3, kemajuan yang ketara telah dicapai dalam program ini. Tahun 2003 menyaksikan kejayaan menyiapkan Kajian Rekabentuk Awal ("PDR") satelit. Sementara itu, pada awal tahun 2004 Kajian Rekabentuk Kritikal terakhir bagi satelit dan PDR untuk pelancar telah diselesaikan. Program ini berjalan mengikut jadual dengan jangka tarikh pelancaran pada pertengahan tahun 2005.

Program MEASAT-3, termasuk pemerolehan satelit, pelancaran dan insurans, dijangka menelan belanja lebih kurang Dolar AS 220 juta.



KL Teleport: Pada tahun 2003, Kumpulan memulakan pembangunan sebuah pusat kawalan satelit baru dan kemudahan teleport yang terletak berhampiran ibu pejabat Kumpulan di Kuala Lumpur. Pusat ini akan menyediakan kemudahan kawalan satelit utama bagi rangkaian satelit MEASAT, serta bekerjasama dengan pusat sedia ada milik Kumpulan di Langkawi untuk menyediakan operasi sokongan kepada satelit MEASAT-1 dan MEASAT-2.

Kumpulan menjangka pelaburan dalam kemudahan baru ini akan menyediakan kelebihan jangka panjang yang ketara. Kemudahan baru ini akan membolehkan pemindahan beberapa aktiviti operasi satelit sekarang

dari kemudahan Kumpulan di Langkawi dan ini akan menghasilkan pengurangan ketara dalam perbelanjaan operasi. Selain itu, Kumpulan juga sedang mempertimbangkan untuk memindahkan sebahagian fungsi komersil dari pejabat Kumpulan yang kini terletak di pusat bandar raya Kuala Lumpur ke tapak baru tersebut yang membolehkan penjimatan kos operasi dan manfaat yang ketara.

Dengan sambung-tara penuh ke rangkaian satelit MEASAT, dan rangkaian video utama lain di seluruh rantau ini, pusat tersebut juga sedang dibangunkan sebagai teleport pelanggan. Ini akan membolehkan Kumpulan mengukuhkan tawaran perkhidmatannya kepada pelanggan melalui penyediaan pelbagai perkhidmatan tambah nilai kepada sektor penyiaran dan telekomunikasi. Ini akan meliputi perkhidmatan penyiaran video, pemulihan video, sambung-tara gantian dan lokasi bersama. Kumpulan kini sedang berunding dengan beberapa pelanggan sedia ada dan baru berhubung penggunaan kemudahan ini.

Operasi MEASAT-3: Pada akhir tahun 2003, Kumpulan telah menyediakan rancangan pra-pemasaran kapasiti MEASAT-3 kepada para pelanggan sedia ada, serta prospek pasaran geografi baru dan segmen pelanggan (contohnya, Syarikat Penyiar Antarabangsa). Rancangan ini akan membantu mengukuhkan daya jualan Kumpulan serta pembukaan pejabat-pejabat baru di Asia Selatan dan Timur Tengah/Afrika pada tahun 2004.



PERKEMBANGAN KORPORAT

Sebagaimana para Pemegang Saham sekalian sedia maklum, pada 18 Julai 2002, dagangan saham Syarikat telah digantung oleh Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL") (kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia")) berikutan penyelesaian Tawaran Pemerolehan Tidak Bersyarat oleh MEASAT Global Network Systems Sdn. Bhd. ("MGNS"). Disebabkan MGNS memegang lebih daripada 90% saham dalam Syarikat, Syarikat tidak lagi memenuhi taburan pegangan saham sebanyak 25% menurut Keperluan Penyenaraian BSKL ("Taburan Pegangan Saham")

Taburan Pegangan Saham telah dipenuhi pada 2 Disember 2003 berikutan penyelesaian penempatan 80,000,000 saham oleh MGNS, dan dagangan di Bursa Malaysia disambung semula pada 8 Disember 2003.

Pada 17 Disember 2003, Telekom Malaysia Berhad ("TMB") mengambilalih kepentingan ekuiti dalam Syarikat dan telah diberikan satu keanggotaan dalam Lembaga Pengarah.

MAKLUMAT UTAMA KEWANGAN

Tahun yang ditinjau merupakan tahun penuh pertama operasi sejak pengambilalih BSS oleh Kumpulan. Pada tahun ini, Kumpulan telah mencatat hasil sebanyak RM126.7 juta berbanding RM95.1 juta sepanjang tempoh 8 bulan bagi tahun kewangan 2002, selepas penyelesaian pengambilalih BSS.

Keuntungan Kumpulan daripada operasi pada tahun 2003 adalah RM31.0 juta berbanding RM35.8 juta pada tahun 2002. Penurunan keuntungan tersebut disebabkan terutamanya oleh penyusutan hasil berikutan pengurangan kapasiti satelit oleh dua pelanggan. Margin EBITDA Kumpulan kekal pada 67% bagi tahun kewangan 2003.

Pada tahun 2003, BSS telah memeterai satu kemudahan pinjaman bersindiket bersamaan Dolar AS 250 juta untuk



membayai semula Sekuriti Hutang Swasta Islamnya ("SHSI") dan membiayai sebahagian daripada pembinaan, pelancaran dan insurans MEASAT-3. Pembiayaan semula ini yang menghasilkan hapuskira yuran yang dipermodakan sekaligus sebanyak RM10.5 juta, akan mendorong kepada pengurangan ketara dalam kos pembiayaan yang dicapai melalui penjimatan faedah.

Keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2003 selepas mengambilkira pelupusan sekaligus adalah RM1.5 juta. Kerugian selepas cukai Kumpulan bagi tahun yang ditinjau adalah RM1.8 juta.

Pada tahun yang ditinjau, Kumpulan telah menukar dasar perakaunannya untuk mematuhi piawaian MASB yang baru, MASB 25 "Cukai Pendapatan". Perubahan tersebut telah diambilkira secara retrospektif. Oleh itu, Kumpulan telah mengiktiraf tanggungan cukai tertunda sebanyak RM30.0 juta bagi tahun-tahun sebelumnya dan RM3.2 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2003. Tanggungan cukai tertunda sebanyak RM33.2 juta di dalam penyata kewangan Kumpulan tidak dijangka akan tercapai kerana Kumpulan mempunyai Peruntukan Pelaburan tidak digunakan sebanyak RM688.0 juta yang boleh digunakan ke atas pendapatan perniagaan masa hadapan yang boleh dikenakan cukai.

Baki tunai Kumpulan pada akhir tahun kewangan ini berkurangan kepada RM67.1 juta berbanding RM174.3 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran yang dibuat kepada vendor bagi pembelian MEASAT-3.

DIVIDEN

Memandangkan komitmen modal Kumpulan sepanjang tempoh 12 bulan akan datang berkaitan program MEASAT-3, Lembaga memutuskan untuk tidak mengesyorkan pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 sebagai langkah berhemat.

PROSPEK MASA DEPAN

Walaupun pemulihan teguh dalam industri satelit global mungkin tidak akan dicapai dalam masa yang terdekat, namun Lembaga percaya bahawa prospek di Asia kelihatan lebih berupaya untuk dipulihkan disebabkan oleh industri penyiaran televisyen yang semakin berkembang, pengembangan ekonomi komunikasi mudah alih dan kelonggaran undang-undang yang berterusan. Berasaskan kepada persekitaran ini, strategi Kumpulan adalah untuk mengekalkan fokus dalam membina perhubungan yang teguh di sektor penyiaran, DTH dan VSAT di mana satelit mempunyai kelebihan ketara berbanding bentuk-bentuk teknologi komunikasi lain.

●● PENYATA PENERUSI (sambungan)



Lembaga menjangka bahawa permintaan bagi produk dan perkhidmatan Kumpulan akan meningkat pada penghujung tahun 2004, tetapi peningkatan ini tidak akan mendatangkan kesan ketara kepada keputusan Kumpulan bagi tahun ini. Jika tiada sebarang keadaan di luar dugaan, prestasi Kumpulan dijangka memuaskan pada tahun 2004.

Dalam jangka masa sederhana, Lembaga percaya bahawa pelancaran MEASAT-3 dan pentauliahkan kemudahan teleport baru Kumpulan akan mengukuhkan dengan ketara tawaran Kumpulan kepada sektor penyiaran dan DTH utama. Maklum balas awal kepada usaha pra-pemasaran MEASAT-3 adalah positif dengan permintaan pelanggan yang kukuh dari pasaran geografi dan segmen-segmen pelanggan utama. Justeru, Kumpulan percaya bahawa prestasi jangka sederhananya adalah sejajar dengan jangkaan.

LEMBAGA PENGARAH

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan Encik Tan Poh Keat dan Yg. Bhg. Dato' Dr Idris bin Ibrahim (Pengaroh Gantian kepada Encik Tan Poh Keat), yang telah menyertai Lembaga sebagai wakil TMB pada 17 Disember 2003 berikutan pengambilalihan kepentingan ekuiti oleh TMB dalam Syarikat.

Selain itu, saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Encik Ramli bin Ibrahim dan Encik Augustus Ralph Marshall atas sumbangan tidak ternilai mereka kepada Lembaga dan Jawatankuasa Audit sepanjang tempoh 12 bulan yang lepas.

PENGHARGAAN

Saya, bagi pihak Lembaga Pengarah, ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Bursa Malaysia dan semua pihak berkuasa undang-undang yang lain atas sokongan dan bimbingan mereka sepanjang tahun ini. Ucapan penghargaan tulus ikhlas ini juga ingin disampaikan kepada para pelanggan dan pemegang saham kami atas sokongan mereka yang tidak ternilai. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan kami atas komitmen dan usaha mereka yang telah memastikan kejayaan berterusan perniagaan dan kejayaan operasi satelit-satelit kami.

DATUK UMAR BIN HAJI ABU
PENERUSI

28 April 2004

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT



Lembaga Pengarah ("Lembaga") MEASAT Global Berhad telah mengesahkan komitmen mereka untuk mengekalkan tahap piawaian tadbir urus dan kewibawaan perniagaan yang paling tinggi dan untuk menerima pakai prinsip dan amalan terbaik seperti yang termaktub di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") dan Keperluan Penyenaian ("KP") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia").

Bagi mencapai matlamat tersebut, Lembaga telah memperkenalkan dan melaksanakan beberapa langkah tadbir urus korporat bagi memastikan pematuhan terhadap Kod dan KP berkenaan.

PEMATUHAN TERHADAP KOD

Seksyen ini dalam Laporan Tahunan ini menghuraikan cara bagaimana Syarikat mengamalkan Prinsip tersebut seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Kod dan tahap pematuhannya terhadap Amalan Terbaik dalam Tadbir Urus Korporat seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Kod pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

Para Pengarah mengesahkan bahawa pada sepanjang tahun ini, Syarikat telah mematuhi Amalan Terbaik dalam Tadbir Urus Korporat seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Kod tersebut kecuali berhubung perkara-perkara berikut:

- a) Pembahagian tanggungjawab antara Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif ("CEO") serta keterangan jawatan bagi CEO;
- b) Pelaksanaan satu proses yang akan dilakukan oleh Jawatankuasa Pencalonan untuk menilai sumbangan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan antara satu sama lain; dan
- c) Mengkaji dan mengesyorkan imbuhan para pengarah eksekutif.

1. Lembaga

Lembaga mengakui tentang kepentingan peranan mereka dalam menentukan hala tuju strategik, pembangunan dan kawalan Kumpulan dan sejak itu telah menerima pakai enam tanggungjawab utama seperti yang dinyatakan dalam Kod untuk menerajui Kumpulan dengan berkesan.

1.1 Keseimbangan Lembaga

Kini Lembaga terdiri daripada empat orang Pengarah Bukan Eksekutif, dua daripada mereka adalah Pengarah Bebas dan dengan demikian memenuhi keperluan yang menetapkan sekurang-kurangnya 1/3 daripada Lembaga hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas.

Sungguhpun para Pengarah mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang perniagaan, kewangan,

korporat dan pengurusan am, Lembaga mengakui tentang keperluan untuk mengukuhkan lagi campuran kemahiran dan kecekapan para ahli yang menganggotai Lembaga supaya mempunyai bakat yang sesuai untuk menerajui Kumpulan menuju masa depan dengan menambah bilangan pengarah, termasuk melantik para pengarah eksekutif. Jawatankuasa Pencalonan, pada tahun semasa, telah mengkaji komposisi dan keseimbangan Lembaga dan campuran kemahiran serta kecekapan dan telah mengesyorkan supaya Lembaga sewajarnya terdiri daripada enam (6) Pengarah, salah seorang daripadanya boleh menjadi Pengarah Eksekutif yang mampu berfungsi dengan berkesan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu dilantik.

Para Pengarah Bebas menerima objektif dan membuat pertimbangan secara bebas mengenai pelbagai isu yang ditangani di peringkat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Encik Ramli bin Ibrahim adalah Pengarah Bebas Kanan di mana pelbagai perkara boleh disampaikan kepada beliau. Melalui penyertaan mereka dalam Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pencalonan, para Pengarah Bebas ini memainkan peranan yang kukuh dan penting dalam Lembaga bagi mewujudkan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam hal ehwal Kumpulan.

Para Pengarah Bebas serta para Pengarah Bukan Eksekutif lain turut menyumbang secara ketara dalam bidang-bidang berkaitan dasar, pemantauan prestasi, peruntukan sumber, peningkatan kawalan dan piawaian tatalaku.

Sementara menunggu pelantikan ketua pegawai eksekutif, Lembaga menganggap buat masa ini tidak sesuai untuk memformalkan pembahagian tanggungjawab antara Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif atau untuk mempertimbangkan sebarang perkara berkaitan imbuhan para pengarah eksekutif.

Profil ringkas setiap Pengarah dibentangkan di muka surat 4 dan 5 dalam Laporan Tahunan ini.

1.2 Pelantikan ke Lembaga

Pelantikan baru ke Lembaga pada sepanjang tahun ini telah dipertimbangkan di peringkat Jawatankuasa Pencalonan ("JP") dan selepas cadangannya diluluskan di peringkat Lembaga.

Tataurus Pertubuhan Syarikat memperuntukkan 1/3 daripada para Pengarah sedia ada (kecuali bagi Pengarah yang dilantik selepas Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") yang lalu) perlu menawarkan diri untuk dipilih semula mengikut giliran setiap tahun.

●● PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (sambungan)

Selain daripada itu, semua Pengarah akan menawarkan diri untuk dipilih semula sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun untuk memberi peluang kepada para pemegang saham memperbaharui mandat mereka. Para Pengarah yang dilantik selepas AGM yang terdahulu tertakluk kepada pemilihan semula di AGM selepas pelantikan mereka. Pemilihan setiap Pengarah dilakukan secara undian berasingan. Untuk membantu para pemegang saham membuat keputusan mereka, maklumat secukupnya mengenai setiap Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula di AGM yang akan datang dilampirkan bersama Notis AGM.

1.3 Latihan Pengarah

Para Pengarah mengakui bahawa perkara asas yang menentukan keberkesanan mereka melaksanakan tanggungjawab dan kewajiban adalah tahap kesedaran dan pengetahuan. Program Orientasi dan Pendidikan Pengarah yang menyediakan latihan induksi, orientasi dan pendidikan berterusan kepada para Pengarah telah diformalkan. Ia melibatkan forum dalaman dan luaran untuk memaklumkan para Pengarah dan mempertingkatkan pengetahuan mereka sebagai Pengarah dengan kesedaran mengenainya. Semua Pengarah telah selesai menjalani Program Akreditasi Mandatori yang dikendalikan oleh Bursa Malaysia. Sebarang perkembangan atau perubahan terhadap keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan juga akan dikemaskini dan dimaklumkan kepada para Pengarah. Program latihan serta pendidikan yang sesuai juga dikenalpasti untuk disertai oleh mereka dari semasa ke semasa. Para Pengarah telah menghadiri dan mengambil bahagian dalam forum yang berkaitan sebagai sebahagian daripada Program Pendidikan Berterusan mereka.

1.4 Mesyuarat Lembaga

Notis sewajarnya diberi terlebih dahulu mengenai mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan dan mengenai perkara-perkara yang akan diuruskan di mesyuarat tersebut. Mesyuarat tambahan dipanggil apabila keputusan segera dan penting perlu diambil pada tempoh antara mesyuarat yang dijadualkan. Rekod sewajarnya mengenai semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta keputusan yang diambil di setiap mesyuarat disimpan oleh Setiausaha.

Tujuh (7) mesyuarat Lembaga telah diadakan pada tahun kewangan ini. Butir-butir mengenai kehadiran para Pengarah di mesyuarat Lembaga pada tahun kewangan ini dinyatakan seperti di bawah:

KEHADIRAN PARA PENGARAH DI MESYUARAT LEMBAGA YANG DIADAKAN PADA TAHUN INI:

Pengarah	Kehadiran di Mesyuarat Lembaga
Datuk Umar bin Haji Abu	7/7 *
Encik Ramli bin Ibrahim	7/7 *
Encik Augustus Ralph Marshall	6/7 *
Encik Zainal Abidin bin Jamal (letak jawatan mulai 22.04.2003)	2/3 *
Encik Tan Poh Keat (dilantik mulai 17.12.2003)	-

Nota:

* Bilangan mesyuarat yang diadakan semasa tempoh jawatan pengarah pada tahun kewangan.

Sebuah manual yang mentakrif Had Kuasa Pengurusan ("LOA") berhubung perkara-perkara operasi telah diluluskan oleh Lembaga baru-baru ini.

Semakan Jadual Perkara yang dikhususkan untuk Lembaga dengan mengambil kira LOA kini sedang dalam kajian. Perkara-perkara penting yang dikhususkan di bawah bidang kuasa Lembaga termasuklah meluluskan rancangan strategik (turut mewakili objektif korporat Kumpulan), belanjawan operasi tahunan, penyata kewangan suku tahunan dan tahunan, strategi pasaran dan pemasaran serta daya saing, pengambilalihan dan penjualan penting dan dasar-dasar utama yang memberi kesan kepada Kumpulan serta pemantauan prestasi kewangan dan operasi Kumpulan.

1.5 Bekalan Maklumat

Para Pengarah dibekalkan dengan semua maklumat dan laporan berkaitan kewangan, operasi, korporat, peraturan, pembangunan perniagaan dan perkara berkaitan audit melalui kertas kerja Lembaga yang dibentangkan di Mesyuarat Lembaga atau apabila diminta secara khusus, bagi membolehkan keputusan secara termaklum dibuat dan bagi membantu mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Prosedur dan tarikh akhir telah diwujudkan untuk membolehkan maklumat dan laporan berkenaan disampaikan tepat pada masanya bagi tujuan mesyuarat Lembaga atau mesyuarat Jawatankuasa Lembaga, sebagai asas kepada keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan untuk menangani sebarang perkara yang timbul daripada mesyuarat

tersebut. Para Pengarah boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat, dalam menjalankan tugas mereka menurut prosedur yang telah sedia wujud. Di samping semua Pengarah mempunyai akses kepada maklumat berkaitan Syarikat, Lembaga juga telah memformalkan satu prosedur bagi membolehkan para Pengarah mendapatkan sebarang maklumat berhubung Syarikat.

Para Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat.

2. Jawatankuasa Audit

Kini Jawatankuasa Audit terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah, dua (2) orang daripada mereka adalah Pengarah Bebas di mana Datuk Umar bin Haji Abu bertindak sebagai Pengerusi. Komposisi Jawatankuasa ini dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 14 hingga 16 yang dilampirkan bersama dalam Laporan Tahunan ini.

Fungsi utamanya meliputi:

- (i) mengkaji rancangan audit, skop penglibatan dan bayaran Juruaudit Luar dan perbincangan mengenai audit, perakaunan dan isu-isu pematuhan kepada syor-syor yang terkandung dalam laporan mereka;
- (ii) mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit;
- (iii) meluluskan Piagam Audit Dalaman serta mengkaji dan membincangkan penemuan serta cadangan dalam Laporan Audit Dalaman; dan
- (iv) mengkaji dan memantau urusan pihak berkaitan.

Seperti yang diperuntukkan dalam bidang kuasanya, Jawatankuasa ini bermesyuarat dengan Juruaudit Luar Syarikat tanpa kehadiran Pengurusan apabila dianggap perlu. Peranan Jawatankuasa Audit berkaitan Juruaudit Luar dihuraikan di bawah Laporan Jawatankuasa Audit dalam Laporan Tahunan ini.

Selain itu, Jawatankuasa ini mempunyai akses sepenuhnya kepada perkhidmatan Juruaudit Dalaman.

Sebuah prosedur formal telah tersedia bagi ahli-ahli Jawatankuasa Audit untuk mendapatkan nasihat profesional bebas dalam menjalankan tugas mereka dan Terma Rujukan ("TOR") Jawatankuasa Audit memberi kuasa untuk menyiasat sebarang perkara di bawah TOR dan prosedur yang telah diformalkan untuk memudahkan proses ini.

Komposisi dan terma rujukan menyeluruh, yang mematuhi KP Bursa Malaysia dan Kod, kehadiran para Pengarah dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa

Audit pada tahun kewangan ini dinyatakan di bawah Laporan Jawatankuasa Audit dalam Laporan Tahunan ini.

3. Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan telah ditubuhkan pada 19 Ogos 2002 dengan terma rujukan yang khusus. Kini ia terdiri daripada dua orang Pengarah Bebas di mana Datuk Umar bin Haji Abu bertindak sebagai Pengerusi dan Encik Ramli bin Ibrahim sebagai ahli Jawatankuasa Pencalonan.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengemukakan syor kepada Lembaga mengenai saiz optimum Lembaga, memformalkan satu prosedur telus dalam mencadangkan calon-calon baru kepada Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta memastikan supaya pelaburan pemegang saham minoriti diwakili secara saksama dalam Lembaga. Jawatankuasa ini juga membantu Lembaga mengkaji pada setiap tahun, campuran kemahiran dan pengalaman Pengarah yang diperlukan dan mengemukakan syor mengenainya.

Jawatankuasa ini bermesyuarat pada tahun ini untuk mengkaji perkara-perkara di bawah bidang kuasanya termasuk yang berikut, dan membuat syor yang sesuai kepada Lembaga Pengarah:

- memformalkan sebuah prosedur pemilihan yang telus bagi pelantikan ke Lembaga.
- memformalkan sebuah proses yang perlu untuk menilai keberkesanan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan setiap Pengarah secara individu.
- mengkaji campuran kemahiran dan daya saing serta komposisi Lembaga.
- mengkaji tentang calon baru kepada Lembaga.

Lembaga telah menerima pakai syor Jawatankuasa tersebut tetapi berpendapat bahawa penilaian terhadap Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan Pengarah individu akan dikendalikan pada satu masa dalam tahun ini setelah soal selidik untuk penilaian tersebut ditapis selanjutnya.

4. Jawatankuasa Imbuan

Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Imbuan pada 19 Ogos 2002. Komposisi Jawatankuasa Imbuan adalah sama dengan Jawatankuasa Pencalonan di mana Encik Ramli bin Ibrahim bertindak sebagai Pengerusinya.

Jawatankuasa Imbuan akan bertanggungjawab untuk mengemukakan syor mengenai dasar dan rangka kerja imbuan para Pengarah serta imbuan dan syarat perkhidmatan para pengarah eksekutif dan di mana wajar, akan mendapatkan nasihat juruperunding luar. Semasa ketiadaan para pengarah eksekutif dalam Jawatankuasa Lembaga, Jawatankuasa ini mendapati tidak perlu untuk

●● PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (sambungan)

mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkara berkaitan imbuhan pengarah eksekutif.

Imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga secara keseluruhan dengan pengarah tersebut secara individu mengecualikan diri daripada perbincangan dan keputusan mengenai imbuhan mereka sendiri. Imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif turut mengambilkira pengalaman dan tahap tanggungjawab yang mereka perlu jalankan.

Peruntukan dalam Tataurusan telah dipinda pada tahun 2003 dan menyebut bahawa yuran Pengarah hendaklah tidak melebihi RM200,000 setahun bagi setiap Pengarah.

Peruntukan dalam Tataurusan menyebut bahawa sebarang pertambahan imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif perlu diluluskan di mesyuarat agung. Tahap imbuhan para Pengarah menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dijalankan oleh Pengarah Bukan Eksekutif berkenaan. Untuk butir-butir imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif, sila rujuk kepada muka surat 19 dan 40 dalam Laporan Tahunan ini.

5. Kawalan Dalaman

Lembaga mengakui kepentingan amalan kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang baik bagi mencapai matlamat tadbir urus korporat dan melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Syarikat. Kajian untuk mempertingkatkan proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman sedia ada di unit-unit operasi dalam Kumpulan telah dijalankan pada tahun ini dengan bantuan Audit Dalaman.

Sila lihat muka surat 17 hingga 18 dalam Laporan Tahunan ini bagi mendapatkan Penyata Para Pengarah Mengenai Keadaan Kawalan Dalaman.

6. Dasar Komunikasi Dengan Pemegang Saham dan Perhubungan Pelabur

Lembaga mengakui kepentingan komunikasi yang berkesan dan pentafsiran yang tepat mengenai operasi Kumpulan yang perlu disampaikan kepada para pemegang saham serta masyarakat pelaburan profesional sambil membuka peluang untuk menggalakkan mereka mengambil bahagian. Bagi mencapai hasrat ini, Lembaga telah memformalkan Dasar Komunikasi Dengan Pemegang Saham Dan Perhubungan Pelabur ("Dasar").

Dasar ini membentangkan kaedah dan media komunikasi serta tahap maklumat yang akan disediakan kepada para pemegang saham, pemegang kepentingan lain dan orang ramai secara umum, bagi membolehkan mereka membuat keputusan yang termaklum. Laporan Tahunan, Pekeliling kepada para pemegang saham serta pengumuman bertindak sebagai instrumen komunikasi serta penyebaran maklumat, sementara

mesyuarat agung diiktiraf oleh Lembaga sebagai forum penting untuk menyediakan peluang berinteraksi secara langsung dengan para pemegang saham bagi menangani persoalan dan kebimbangan yang mereka bangkitkan mengenai operasi, prestasi kewangan serta perkembangan utama Kumpulan, tertakluk kepada Dasar Pendedahan Korporat Syarikat.

Notis mesyuarat agung sewajarnya yang diberi menyediakan maklumat yang secukupnya mengenai urusan yang akan dijalankan di mesyuarat tersebut, turut disiarkan dalam sekurang-kurangnya sebuah akhbar edaran nasional untuk membolehkan penyebaran notis tersebut secara meluas bagi menggalakkan penyertaan para pemegang saham. Borang proksi yang disertakan dengan Notis ini juga akan mengandungi maklumat mengenai kaedah kehadiran dan cara bagaimana para ahli boleh melaksanakan hak mengundi mereka.

Dasar ini memperuntukkan supaya semua Pengarah dan Pengurusan Kanan menghadiri mesyuarat agung. Persoalan atau kebimbangan yang dibangkitkan akan dianggap sebagai maklum balas yang perlu diambilkira dalam keputusan korporat atau perniagaan yang dijalankan oleh Syarikat.

Dasar ini juga memperuntukkan mesyuarat atau dialog dengan para ahli Lembaga atau Pengurusan apabila diminta oleh para pelabur institusi, pengurus dana dan penganalisis supaya memberi penjelasan mengenai strategi dan prestasi Kumpulan bagi tujuan memupuk pemahaman menyeluruh tentang objektif.

Penggunaan Dasar Pendedahan Korporat yang ditetapkan berhubung keperluan pendedahan korporat dan garis panduan penguatkuasa peraturan yang sedia ada, telah memberi perhatian sewajarnya kepada keperluan para pemegang saham dan masyarakat pelabur bagi memastikan supaya maklumat sensitif harga, penerbitan keputusan suku tahunan dan tahunan serta cadangan korporat yang lain dikeluarkan tepat pada masanya.

7. Laporan Kewangan

Satu penyata oleh para Pengarah mengenai tanggungjawab mereka untuk menyediakan penyata kewangan dibentangkan dalam Penyata Tanggungjawab para Pengarah di muka surat 20 dalam Laporan Tahunan ini.

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunannya, para Pengarah berhasrat untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan mudah difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan kepada para pemegang saham dan penguatkuasa peraturan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT



KOMPOSISI

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa Audit ("Jawatankuasa") terdiri daripada para Pengarah berikut:

Nama	Status
1. Datuk Umar bin Haji Abu (Pengerusi)	Pengarah Bebas
2. Ramli bin Ibrahim	Pengarah Bebas
3. Augustus Ralph Marshall	Pengarah Bukan Eksekutif

TERMA RUJUKAN

Terma Rujukan Jawatankuasa ("Terma Rujukan") dibentangkan di muka surat 14 hingga 16 dan dikaji secara kerap untuk memastikan pematuhan terhadap Keperluan Penyenaraian ("KP") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia") dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

MESYUARAT

Jawatankuasa telah mengadakan lima (5) mesyuarat pada tahun kewangan ini yang dihadiri oleh semua ahli.

Wakil daripada Pengurusan, Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luaran turut menghadiri kesemua mesyuarat tersebut atas jemputan Pengerusi.

RINGKASAN AKTIVITI

Jawatankuasa telah menjalankan aktiviti berikut pada tahun kewangan ini selaras dengan Terma Rujukannya:

- Mengkaji keputusan suku tahunan, penyata kewangan dan pengumuman berkaitan untuk dikeluarkan kepada Bursa Malaysia bagi memastikan pematuhan terhadap KP Bursa Malaysia yang berkaitan, peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.
- Mengkaji rangka kerja Pengurusan Risiko dan kelancarannya bagi Kumpulan.
- Mengkaji skop kerja Juruaudit Luaran, laporan audit dan rancangan audit bagi tahun tersebut.
- Mengkaji rancangan Audit Dalaman bagi tahun berakhir 31 Disember 2004, dan membincangkan penemuan audit yang timbul daripada kajian Audit Dalaman yang dijalankan pada tahun tersebut serta

langkah-langkah yang telah diambil oleh pengurusan dalam menangani penemuan tersebut.

- Mengkaji urusan pihak berkaitan bagi memastikan bahawa urusan tersebut dijalankan untuk kepentingan Kumpulan pada syarat perdagangan biasa dan tidak menjejaskan kepentingan para pemegang saham minoriti.
- Memberi perhatian kepada isu-isu laporan kewangan yang timbul menurut pengenalan piawaian perakaunan baru serta tambahan keperluan berkanun dan peraturan pendedahan.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi Audit Dalaman Kumpulan dilaksanakan oleh UTSB Management Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang dianggap berkaitan dengan Kumpulan menurut KP Bursa Malaysia. Bidang kuasa dan tanggungjawabnya ditadbir oleh Piagam Audit Dalaman yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Ketua Audit Dalaman melaporkan secara terus kepada Pengerusi Jawatankuasa.

Fungsi Audit Dalaman menggunakan pendekatan berasaskan risiko dalam menilai bidang kewangan, operasi dan pematuhan Kumpulan. Fokus audit ditujukan kepada bidang risiko utama yang telah dikenalpasti semasa proses pengurusan risiko perniagaan.

TERMA RUJUKAN

1. KEAHLIAN

- 1.1 Jawatankuasa hendaklah dilantik oleh Lembaga dari kalangan ahli mereka dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) ahli, yang majoritinya merupakan Pengarah Bebas.
- 1.2 Sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa Audit:
 - (a) perlu merupakan seorang ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
 - (b) jika beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau perlu mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dan:-
 - (i) beliau perlu lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I daripada Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
 - (ii) beliau perlu merupakan seorang ahli dalam salah satu daripada persatuan

●● LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT (sambungan)

akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.

- 1.3 Lembaga perlu memastikan bahawa tiada Pengarah Gantian dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.
- 1.4 Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah memilih seorang Pengerusi dari kalangan mereka, dan Pengerusi tersebut hendaklah merupakan seorang Pengarah Bebas.
- 1.5 Jika salah seorang daripada ahli Jawatankuasa meletak jawatan, meninggal dunia atau atas sebarang sebab, tidak lagi menjadi ahli yang membawa kepada ketidakpatuhan terhadap perenggan kecil 1.1 dan 1.2 di atas, yang menyebabkan bilangan ahli kurang daripada tiga (3) orang, Lembaga hendaklah, dalam tempoh tiga (3) bulan dari kejadian tersebut, melantik sebilangan ahli baru seperti yang diperlukan untuk menjadikan bilangan minimum ahli seramai tiga (3) orang.
- 1.6 Pelantikan seorang ahli Jawatankuasa akan tamat apabila beliau bukan lagi merupakan seorang Pengarah.

2. KUASA DAN HAK

Jawatankuasa, apabila perlu dan munasabah bagi melaksanakan tugasnya, selaras dengan prosedur yang telah ditentukan oleh Lembaga dan dengan kos yang ditanggung oleh Syarikat:

- 2.1 Mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam Terma Rujukannya;
- 2.2 Mempunyai sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- 2.3 Mempunyai akses penuh dan tidak terhalang terhadap sebarang maklumat berhubung Kumpulan;
- 2.4 Mempunyai saluran komunikasi langsung dengan Juruaudit Luar dan individu yang menjalankan fungsi audit dalaman atau aktiviti audit dalaman;
- 2.5 Boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau dari pihak lain dan mendapatkan kehadiran pihak luar dengan pengalaman dan kepakaran yang berkaitan jika difikirkan perlu; dan
- 2.6 Boleh mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Luar, tanpa dihadiri oleh ahli-ahli eksekutif Kumpulan, apabila dianggap perlu.

3. FUNGSI DAN TUGAS

Jawatankuasa perlu, antara lain, menjalankan fungsi berikut:

- 3.1 Mengkaji perkara berikut dan melaporkannya kepada Lembaga Syarikat:
 - (a) dengan Juruaudit Luar, pelan audit, skop kerja dan memastikan bahawa ia akan memenuhi keperluan Lembaga, para pemegang saham dan penguatkuasa peraturan;
 - (b) dengan Juruaudit Luar, penilaian mereka berhubung kualiti dan keberkesanan seluruh sistem perakaunan, kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan kecekapan operasi kumpulan dan usaha serta proses yang diambil untuk mengurangkan risiko operasi Kumpulan;
 - (c) dengan Juruaudit Luar, laporan audit mereka;
 - (d) bantuan yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan kepada Juruaudit Luar atau Juruaudit Dalaman;
 - (e) kecukupan skop, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman dan supaya ia mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menjalankan kerjanya antara lain termasuk pelantikan Juruaudit Dalaman;
 - (f) program audit dalaman, proses, keputusan program audit dalaman, proses atau penyiasatan yang diambil dan sama ada sesuai atau tidak tindakan diambil berhubung syor fungsi audit dalaman;
 - (g) keputusan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan sebelum diluluskan oleh Lembaga, dengan memfokus terutamanya:
 - (i) perubahan atau pelaksanaan perubahan dasar perakaunan utama;
 - (ii) peristiwa penting dan luarbiasa;
 - (iii) ketepatan dan kecukupan pendedahan maklumat penting untuk mendapatkan pembentangan yang saksama dan lengkap mengenai kedudukan kewangan Kumpulan; dan
 - (iv) pematuhan terhadap piawaian perakaunan, keperluan berkanun dan perundangan lain dan andaian perniagaan berterusan.
 - (h) urusan pihak berkaitan dan antara syarikat serta keadaan konflik kepentingan yang mungkin berlaku dalam Syarikat/ Kumpulan dan mana-mana pihak berkaitan

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT (sambungan)

- di luar Kumpulan termasuk sebarang urusan niaga, prosedur atau pengendalian tatacara yang menimbulkan keraguan terhadap kewibawaan pengurusan;
- (i) kesahihan dasar, prinsip dan amalan perakaunan yang diterima pakai oleh pengurusan dan diterima oleh Juruaudit Luar, di mana kaedah alternatif juga boleh diterima;
 - (j) sebarang surat peletakan jawatan daripada Juruaudit Luar Syarikat;
 - (k) sama ada terdapat alasan (disokong oleh bukti) untuk mempercayai bahawa Juruaudit Luar Syarikat tidak sesuai untuk pelantikan semula; dan
 - (l) sebarang penemuan audit, pendapat, masalah penting yang dihadapi atau kelemahan ketara yang dilaporkan oleh Juruaudit Luar dan Dalaman.
- 3.2 Mengesyorkan pencalonan seseorang atau beberapa orang sebagai Juruaudit Luar dan yuran audit luar.
- 3.3 Melaporkan dengan segera kepada Bursa Malaysia mengenai sebarang perkara yang telah dilaporkan olehnya kepada Lembaga Syarikat, yang tidak diselesaikan dengan cara memuaskan sehingga menyebabkan pelanggaran terhadap KP Bursa Malaysia.
- 3.4 Menyerahkan kepada Lembaga secara berkala Laporan mengenai ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dalam menjalankan fungsi dan tugasnya bagi setiap suku tahunan dan tahun kewangan.
- 3.5 Menjalankan sebarang fungsi lain yang mungkin telah dipersetujui bersama oleh Jawatankuasa dan Lembaga, yang mungkin memberi manfaat kepada Syarikat dan memastikan keberkesanan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa.
- #### 4. MESYUARAT DAN MINIT
- 4.1 Bagi membentuk kuorum sesuatu mesyuarat Jawatankuasa, majoriti ahli yang hadir hendaklah terdiri daripada para Pengarah Bebas.
- 4.2 Minimum empat (4) mesyuarat setahun perlu dirancang, walaupun mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa menurut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa Audit.
- Sebuah agenda hendaklah dihantar kepada semua ahli Jawatankuasa dan sesiapa yang mungkin dikehendaki hadir/diundang hadir. Semua mesyuarat untuk mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan tahunan akan diadakan sebelum setiap keputusan suku tahunan dan keputusan tahunan dibentangkan kepada Lembaga untuk diluluskan.
- 4.3 Selain daripada perenggan 4.2 di atas, apabila diminta oleh mana-mana ahli Jawatankuasa, Juruaudit Luar atau Juruaudit Dalaman, Pengerusi Jawatankuasa hendaklah memanggil mesyuarat Jawatankuasa untuk mempertimbangkan perkara-perkara yang dibawa kepada perhatiannya.
- 4.4 Di samping ahli-ahli Jawatankuasa, mesyuarat lazimnya akan dihadiri oleh wakil Juruaudit Luar dan Pengurus Juruaudit Dalaman. Mana-mana ahli Lembaga atau mana-mana ahli Pengurusan Kanan atau kakitangan lain Syarikat yang berkaitan boleh diundang untuk hadir seperti yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit.
- 4.5 Sekurang-kurangnya sekali (1) setahun, Jawatankuasa akan bermesyuarat dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran mana-mana Pengarah Eksekutif.
- 4.6 Minit setiap mesyuarat juga hendaklah diedarkan kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Juruaudit Luar.
- 4.7 Minit terperinci mesyuarat Jawatankuasa akan disediakan untuk semua ahli Lembaga. Sebuah ringkasan perkara dan resolusi penting akan dilaporkan kepada Lembaga oleh Pengerusi Jawatankuasa.
- 4.8 Buku yang mengandungi minit mana-mana mesyuarat Jawatankuasa perlu disimpan oleh Setiausaha di Pejabat Berdaftar Syarikat.
- 4.9 Jawatankuasa boleh menggariskan sebarang peraturan atau prosedur dari semasa ke semasa untuk menguruskan hal-ehwal dan pentadbirannya.
- #### 5. SETIAUSAHA
- Setiausaha Syarikat akan menjadi Setiausaha Jawatankuasa ini.

● ● PENYATA KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Keperluan Penyenaraian ("KP") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia") memerlukan para pengarah sesebuah syarikat disenarai awam menyertakan di dalam Laporan Tahunan satu penyata berhubung kedudukan kawalan dalaman sebagai sebuah kumpulan. Menurut peruntukan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") yang berkaitan, Lembaga Pengarah ("Lembaga") hendaklah mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang baik untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan. Penyata Kawalan Dalaman: Panduan bagi Pengarah Syarikat Senarai Awam ("Panduan") yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia menyediakan panduan berhubung pematuhan kepada keperluan tersebut. Penyata Kawalan Dalaman yang dinyatakan di bawah telah disediakan selaras dengan Panduan tersebut.

TANGGUNGJAWAB

Lembaga mengakui tanggungjawabnya untuk mewujudkan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko serta mengkaji keberkesanan sistem bagi memastikan Kumpulan menjaga pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan menurut Kod dan selaras dengan Panduan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh had yang wujud dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem tersebut diatur untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan. Sehubungan itu, sistem tersebut hanya boleh menyediakan jaminan yang berpatutan dan bukan mutlak terhadap salah nyata atau kerugian yang ketara.

UNSUR-UNSUR KAWALAN DALAMAN

Lembaga telah menggunakan rangka kerja dan proses berikut dalam mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman.

1. Pengurusan Risiko

Lembaga mengesahkan bahawa proses mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan telah tersedia dan proses tersebut telah dikaji oleh Lembaga melalui Jawatankuasa Auditnya.

Proses pengurusan risiko diselaras oleh Audit Dalaman Kumpulan bersama-sama dengan Ketua-ketua Jabatan dalam Kumpulan. Proses ini telah tersedia sepanjang tahun 2003 dan telah

diteruskan sehingga tarikh Laporan ini diluluskan. Ciri-ciri utama proses ini meliputi:

- Pembentukan sebuah proses berstruktur untuk mengenal pasti, memantau dan mengurus risiko perniagaan yang dihadapi oleh Kumpulan. Keputusan aktiviti ini didokumenkan pada inventori risiko, peta risiko terperinci bagi setiap bidang perniagaan dan digabungkan menjadi peta risiko keseluruhan bagi Kumpulan.
- Mengenalpasti Ketua-ketua Jabatan sebagai pemilik risiko yang bertanggungjawab bagi memastikan bahawa risiko berkenaan dipantau dan diurus secara berterusan. Status pelan tindakan membendung risiko turut ditinjau bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan tepat.
- Melaporkan keputusan daripada proses pemantauan (termasuk sebarang perubahan ketara kepada profil risiko Kumpulan) kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga setiap suku tahunan.
- Merumus dan mengagihkan Dasar dan Prosedur Pengurusan Risiko Perniagaan untuk memastikan proses di atas terus dipatuhi dan dijadikan unsur penting dalam operasi Kumpulan.
- Penilaian berterusan terhadap kualiti pengurusan risiko dan kawalan oleh Audit Dalaman Kumpulan.

2. Persekitaran Kawalan

Lembaga bertanggungjawab mengekalkan persekitaran kawalan yang kukuh untuk operasi Kumpulan. Persekitaran kawalan Kumpulan terdiri daripada komponen berikut:

(a) Kebebasan Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit terdiri daripada majoriti pengarah bebas yang mempunyai akses yang tidak terhalang kepada juruaudit dalaman dan juruaudit luar. Aktiviti Jawatankuasa Audit dalam meninjau keputusan kerja dan penemuan juruaudit dalaman dan luar membantu mereka dalam membuat penilaian terhadap persekitaran kawalan.

(b) Struktur organisasi dengan peranan dan tanggungjawab bertakrif

Lembaga telah membentuk struktur organisasi yang ditakrif secara jelas dengan membuat laporan yang jelas serta peranan dan tanggungjawab yang diformalkan.

PENYATA KAWALAN DALAMAN (sambungan)

Had Autoriti Kumpulan menyerahkan autoriti kepada peringkat kakitangan yang sesuai untuk melaksanakan kawalan ke atas komitmen Kumpulan bagi kedua-dua perbelanjaan modal dan operasi. Had Autoriti tersebut telah diluluskan oleh Lembaga dan ditinjau secara kerap serta dikemaskini apabila perlu.

(c) Dasar dan prosedur yang didokumen

Dasar dan prosedur yang didokumen untuk bidang operasi dan kewangan telah tersedia dan dikemaskini secara kerap bagi menggambarkan perubahan risiko dan memastikan kebertanggungjawaban yang sempurna dan pematuhan dengan kawalan dalaman.

(d) Pembangunan sumber manusia

Program latihan dalaman dan luar yang berterusan dilaksanakan untuk menambah kemahiran kakitangan.

(e) Audit Dalaman Kumpulan

Kumpulan mempunyai fungsi audit dalaman yang menggunakan pendekatan berasaskan risiko dalam menilai bidang kewangan, operasi dan pematuhan Kumpulan. Fokus audit ditujukan terhadap bidang risiko utama yang dikenalpasti semasa proses pengurusan risiko.

(f) Rancangan penyambungan perniagaan

Kumpulan sedang dalam proses meninjau rancangan penyambungan perniagaannya bagi memastikan ia telah menangani bidang risiko utama dengan sewajarnya.

3. Prosedur Kawalan

Prosedur kawalan bagi aktiviti kewangan dan operasi harian telah disediakan. Unsur-unsur kawalan utama meliputi yang berikut:

- Proses belanjawan yang telah dibentuk di mana belanjawan terperinci disediakan setiap tahun dan dibincang serta diluluskan oleh Lembaga;
- Tinjauan prestasi kewangan dan operasi bulanan;
- Pembahagian tugas kepada proses mengenalpasti, memberi kuasa dan penyesuaian;
- Kawalan ke atas aset fizikal dan sistem maklumat;

- Menetapkan dan mengemaskini dengan kerap manual operasi dan rancangan luar jangka bagi memastikan pusat kawalan satelit MEASAT diurus dengan berkesan; dan
- Aktiviti pematuhan undang-undang dan peraturan.

4. Maklumat dan Komunikasi

Sistem dan proses yang berkesan dan menyeluruh digunakan bagi mendapat dan mendedahkan maklumat berkaitan. Struktur membuat laporan yang jelas memastikan bahawa laporan kewangan dan operasi disediakan dan dibentangkan secara berkala kepada Pengurusan dan Lembaga untuk dibincangkan dan dikaji.

5. Pemantauan dan Tinjauan

Proses pemantauan dan peninjauan telah disediakan dan memberi jaminan munasabah bahawa struktur kawalan dan risiko berada di tahap yang boleh diterima dan ini meliputi:

- Petunjuk prestasi utama dan perbelanjaan belanjawan dipantau dan diterangkan pada setiap bulan;
- Keputusan kewangan pada setiap suku tahunan ditinjau oleh Lembaga bersama pihak pengurusan bagi membolehkan ia mengukur pencapaian Kumpulan berbanding sasaran tahunannya dan mengkaji sebarang isu penting berkenaan kewangan dan operasi;
- Mesyuarat berjadual dan tergepar (ad-hoc) diadakan di peringkat pengurusan dan operasi untuk membincang dan menyelesaikan isu operasi dan perniagaan;
- Kajian bebas yang dijalankan oleh Audit Dalaman disampaikan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga bagi membolehkan penilaian terhadap kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.

Sistem kawalan dalaman adalah memuaskan dan tiada kelemahan kawalan dalaman yang ketara dikenalpasti bagi tahun ini, dan kelemahan yang dilaporkan tidak menyebabkan kerugian besar atau luar jangka yang memerlukan pendedahan dalam Laporan Tahunan Kumpulan.



MAKLUMAT PENDEDAHAN TAMBAHAN

menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad

1. JUMLAH YURAN BUKAN AUDIT DIBAYAR KEPADA JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar kepada juruaudit luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 berjumlah RM18,000.

2. JUMLAH BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH YANG DIADAKAN PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Sebanyak tujuh (7) Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

3. IMBUHAN PENGARAH

Butir-butir imbuhan Pengarah yang telah dibayar atau akan dibayar oleh Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 adalah seperti berikut:-

a) Imbuhan agregat

	Pengarah Eksekutif (RM)	Pengarah Bukan Eksekutif (RM)	Jumlah (RM)
Yuran Pengarah	–	96,667	96,667
Elaun Pengarah	–	49,000	49,000
Jumlah	–	145,667	145,667

b) Bilangan Pengarah dalam setiap turutan kumpulan RM50,000

Julat Imbuhan (RM)	Bil. Pengarah	
	Eksekutif	Bukan Eksekutif
50,000 dan ke bawah	–	4
50,001 hingga 100,000	–	–
	–	4

4. KONTRAK MATERIAL SYARIKAT DAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARINYA YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN PARA PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Tiada kontrak material di luar urusan biasa yang telah dimeterai oleh MEASAT Global Berhad dan syarikat-syarikat subsidiarinya dalam tempoh dua tahun terdahulu, yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama sama ada yang masih berkhidmat pada 31 Disember 2003 atau sejak akhir tahun kewangan lepas yang berakhir pada 31 Disember 2002.

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH DALAM MENYEDIAKAN PENYATA KEWANGAN



Para Pengarah dikehendaki oleh undang-undang untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun tersebut.

Para Pengarah memastikan bahawa, dalam menyediakan penyata kewangan tersebut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 seperti yang dibentangkan di muka surat 25 hingga 53 Laporan Tahunan ini, Kumpulan telah menggunakan dasar perakaunan yang sesuai dan telah menggunakannya dengan seragam serta membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemah. Para Pengarah juga memastikan bahawa semua piawaian perakaunan diluluskan yang diterimapakai telah diikuti dan mengesahkan bahawa penyata kewangan tersebut disediakan atas dasar usaha perniagaan berterusan.

Para Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa Kumpulan dan Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang didedahkan dengan ketepatan yang munasabah pada bila-bila masa berhubung kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang membolehkan mereka memastikan bahawa penyata kewangan tersebut memenuhi Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Tanggungjawab juruaudit dinyatakan di dalam Laporan mereka kepada Ahli-ahli Syarikat.



PENYATA KEWANGAN

22	Laporan Para Pengarah
25	Penyata Pendapatan
26	Kunci Kira-Kira
27	Penyata Perubahan Ekuiti
28	Penyata Aliran Tunai
30	Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
54	Penyata oleh Para Pengarah
54	Pengakuan
55	Laporan Juruaudit kepada Ahli-ahli MEASAT Global Berhad

LAPORAN PARA PENGARAH



Para Pengarah dengan ini membentangkan Laporan mereka kepada para ahli bersama dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan.

Aktiviti utama Kumpulan merangkumi operasi sebuah rangkaian satelit serantau. Tiada perubahan yang ketara dalam aktiviti utama Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan ini. Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.

PENUKARAN NAMA

Pada 23 Julai 2003, Syarikat menukarkan namanya daripada Malaysian Tobacco Company Berhad kepada MEASAT Global Berhad.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	<u>Kumpulan</u> RM'000	<u>Syarikat</u> RM'000
Kerugian bersih bagi tahun	(1,806)	(240)

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Disember 2002. Para Pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan pada tahun kewangan ini telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

PERISTIWA PENTING

Pada 2 Disember 2003, taburan pegangan saham awam telah dipatuhi berikutan penempatan 80,000,000 saham biasa bernilai RM0.78 sesaham dalam Syarikat oleh MEASAT Global Network Systems Sdn. Bhd., syarikat induk, yang mewakili lebih kurang 20.51% daripada jumlah modal saham terbitan dan berbayar Syarikat. Perdagangan saham Syarikat kembali diurusniagakan pada 8 Disember 2003 di Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulu dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur).

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tempoh sejak tarikh laporan yang lepas adalah seperti berikut:

Datuk Umar bin Haji Abu

Augustus Ralph Marshall

Ramli bin Ibrahim

Tan Poh Keat

(dilantik pada 17 Disember 2003)

Dato' Dr Idris bin Ibrahim

(dilantik pada 17 Disember 2003)

(*gantikan kepada Tan Poh Keat*)

•• LAPORAN PENGARAH (sambungan)

PARA PENGARAH (sambungan)

Menurut Artikel 96 dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Tan Poh Keat yang dilantik dalam tempoh ini, bersara di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih.

Menurut Artikel 91 dalam Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Augustus Ralph Marshall, bersara mengikut giliran bersara di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, tiada pengaturan telah dibuat di mana Syarikat merupakan satu pihak, dengan tujuan atau tujuan-tujuan yang membolehkan para Pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui pembelian saham dan opsyen ke atas saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah telah menerima atau menjadi layak untuk menerima manfaat atas sebab sebuah kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau sebuah syarikat berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan sebuah firma di mana beliau merupakan seorang ahlinya, atau dengan sebuah syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan utama melainkan seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan berhubung imbuhan para Pengarah.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Menurut Daftar pegangan saham dan kepentingan para Pengarah, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan memegang sebarang kepentingan dalam saham, opsyen ke atas saham dan debentur Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya dalam tahun kewangan ini.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan elaun bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan bahawa elaun secukupnya telah disediakan bagi hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan akan direalisasikan dalam urusan biasa, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan kepada satu jumlah jangkaan yang dapat direalisasi.

Pada tarikh Laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

- (a) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan atau jumlah elaun bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga ke tahap yang ketara; atau
- (b) yang boleh menimbulkan kekeliruan ke atas nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; atau
- (c) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau tanggungan Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (sambungan)

Tiada tanggungan luarjangka atau tanggungan lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin akan menjejaskan dengan ketara kemampuan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya kelak.

Pada tarikh Laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset lain Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini yang menjamin tanggungan pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luarjangka Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh Laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diuruskan dalam Laporan ini atau dalam penyata kewangan ini yang akan menyebabkan jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah,

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau kejadian yang penting atau luarbiasa; dan
- (b) tidak timbul dalam tempoh masa antara akhir tahun kewangan ini dan tarikh Laporan ini sebarang perkara, urusanniaga atau kejadian penting dan luarbiasa yang berkemungkinan boleh menjejaskan dengan ketara keputusan dan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang diliputi oleh Laporan ini.

SYARIKAT INDUK MUKTAMAD

Para Pengarah menganggap MAI Holdings Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, sebagai syarikat induk muktamad.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka yang bertarikh 28 April 2004.

DATUK UMAR BIN HAJI ABU
PENGERUSI

RAMLI BIN IBRAHIM
PENGARAH



PENYATA PENDAPATAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Hasil	5	126,714	95,135	0	0
Kos perkhidmatan		(76,250)	(57,299)	0	0
Keuntungan kasar		50,464	37,836	0	0
Pendapatan operasi lain		2,556	9,928	512	7,435
Perbelanjaan jualan dan pentadbiran		(21,986)	(11,935)	(623)	(1,015)
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi	6	31,034	35,829	(111)	6,420
Kos pembiayaan	7	(29,504)	(14,344)	0	0
Keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa sebelum cukai		1,530	21,485	(111)	6,420
Cukai	8	(3,336)	(32,120)	(129)	(2,090)
(Kerugian)/keuntungan bersih bagi tahun		<u>(1,806)</u>	<u>(10,635)</u>	<u>(240)</u>	<u>4,330</u>
Kerugian sesaham					
– Asas (sen)	9	<u>(0.46)</u>	<u>(3.27)</u>		
– Cair (sen)		<u>*T/B</u>	<u>*T/B</u>		

* T/B – tidak berkenaan

Nota-nota di muka surat 30 hingga 53 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KUNCI KIRA-KIRA

pada 31 Disember 2003



	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	10	624,743	333,385	0	0
Muhibah daripada penyatuan	11	1,186,589	1,186,589	0	0
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	12	0	0	1,463,395	1,463,395
Penerimaan perdagangan jangka panjang	13	30,780	15,105	0	0
		1,842,112	1,535,079	1,463,395	1,463,395
ASET SEMASA					
Penerimaan perdagangan dan penerimaan lain	14	23,937	51,985	101	33
Deposit dengan bank berlesen	22	58,579	173,728	19,283	19,620
Wang tunai dan baki bank	22	8,539	616	35	271
		91,055	226,329	19,419	19,924
TANGGUNGAN SEMASA					
Pembayaran perdagangan dan pembayaran lain	15	17,904	28,305	3,053	3,371
Cukai		616	563	616	563
		18,520	28,868	3,669	3,934
ASET SEMASA BERSIH		72,535	197,461	15,750	15,990
TANGGUNGAN BUKAN SEMASA					
Pinjaman (bercagar dan dikenakan faedah)	16	418,833	238,120	0	0
Tanggungan cukai tertunda	17	33,200	30,000	0	0
		452,033	268,120	0	0
		1,462,614	1,464,420	1,479,145	1,479,385
MODAL DAN RIZAB					
Modal saham	18	304,148	304,148	304,148	304,148
Rizab penggabungan	19	554,802	554,802	554,802	554,802
Rizab am	20	15,899	15,899	15,899	15,899
Pendapatan tersimpan	21	587,765	589,571	604,296	604,536
		1,462,614	1,464,420	1,479,145	1,479,385

Nota-nota di muka surat 30 hingga 53 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



PENYATA PERUBAHAN EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003

	Saham biasa diterbitkan dan dibayar penuh berharga RM0.78 sesaham		Tidak boleh diagihkan	Boleh diagihkan		Jumlah
	Bilangan saham	Nilai nominal	Rizab penggabungan	Rizab am	Pendapatan tersimpan	
Kumpulan	'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2002	202,500	157,950	0	15,899	600,206	774,055
Keuntungan bersih bagi tahun						
– seperti dilaporkan sebelumnya	0	0	0	0	19,365	19,365
– pelarasan tahun sebelumnya	0	0	0	0	(30,000)	(30,000)
– seperti dinyatakan semula	202,500	157,950	0	15,899	589,571	763,420
Terbitan sebanyak 187,433,155 saham biasa berharga RM0.78 sesaham pada premium RM2.96	187,433	146,198	554,802	0	0	701,000
Pada 31 Disember 2002	389,933	304,148	554,802	15,899	589,571	1,464,420
Pada 1 Januari 2003						
– seperti dilaporkan sebelumnya	389,933	304,148	554,802	15,899	619,571	1,494,420
– pelarasan tahun sebelumnya	0	0	0	0	(30,000)	(30,000)
– seperti dinyatakan semula	389,933	304,148	554,802	15,899	589,571	1,464,420
Kerugian bersih bagi tahun	0	0	0	0	(1,806)	(1,806)
Pada 31 Disember 2003	389,933	304,148	554,802	15,899	587,765	1,462,614
Syarikat						
Pada 1 Januari 2002	202,500	157,950	0	15,899	600,206	774,055
Terbitan sebanyak 187,433,155 saham biasa berharga RM0.78 sesaham pada premium RM2.96	187,433	146,198	554,802	0	0	701,000
Keuntungan bersih bagi tahun	0	0	0	0	4,330	4,330
Pada 31 Disember 2002	389,933	304,148	554,802	15,899	604,536	1,479,385
Pada 1 Januari 2003	389,933	304,148	554,802	15,899	604,536	1,479,385
Kerugian bersih bagi tahun	0	0	0	0	(240)	(240)
Pada 31 Disember 2003	389,933	304,148	554,802	15,899	604,296	1,479,145

Nota-nota di muka surat 30 hingga 53 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003



Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA				
 AKTIVITI OPERASI				
(Kerugian)/keuntungan bagi tahun	(1,806)	(10,635)	(240)	4,330
Pelarasan bagi:				
Elaun bagi hutang ragu	165	0	0	0
Susutnilai hartanah, loji				
dan peralatan	56,664	37,855	0	0
Kos pembiayaan	29,504	14,344	0	0
Pendapatan faedah	(2,527)	(9,911)	(512)	(7,435)
Cukai	3,336	32,120	129	2,090
Kerugian pertukaran asing				
tidak direalisasikan	0	3	0	0
	85,336	63,776	(623)	(1,015)
Kurangan/(tambahan) dalam				
penerimaan perdagangan				
dan penerimaan lain	27,663	(14,465)	(63)	0
(Tambahan)/kurangan dalam				
penerimaan perdagangan				
jangka panjang	(15,675)	7,268	0	0
(Kurangan)/tambahan dalam				
pembayaran perdagangan				
dan pembayaran lain	(3,317)	2,099	(53)	(2)
Tunai bersih daripada operasi	94,007	58,678	(739)	(1,017)
Pendapatan faedah diterima	2,748	10,909	508	8,545
Pembayaran ansuran keuntungan				
ke atas Sekuriti Hutang Swasta				
Islam ("SHSI")	(15,821)	(10,250)	0	0
Faedah dibayar	(5,946)	0	0	0
Cukai dibayar	(83)	(2,786)	(76)	(2,757)
Aliran tunai bersih daripada				
aktiviti operasi	74,905	56,551	(307)	4,771
ALIRAN TUNAI DARIPADA				
 AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(347,133)	(1,388)	0	0
Pengambilalihan syarikat-syarikat				
subsidiari	0	(653,584)	0	(758,245)
Aliran tunai bersih daripada				
aktiviti pelaburan	(347,133)	(654,972)	0	(758,245)

•• **PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)**
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Kutipan bersih daripada pengeluaran pinjaman		667,643	0	0	0
Pembayaran balik pinjaman		(500,000)	0	0	0
Yuran berkaitan SHSI		(2,375)	(600)	0	0
Dividen dibayar (bagi tahun 2000)		0	(1)	0	(1)
Dividen tidak dituntut dihantar (bagi tahun 2000)		(266)	0	(266)	0
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan		165,002	(601)	(266)	(1)
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI		(107,226)	(599,022)	(573)	(753,475)
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		174,344	773,366	19,891	773,366
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	22	67,118	174,344	19,318	19,891

Nota-nota di muka surat 30 hingga 53 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2003



1 MAKLUMAT UMUM

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan.

Aktiviti utama Kumpulan merangkumi operasi sebuah rangkaian satelit serantau. Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan di dalam Nota 12 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan yang ketara dalam aktiviti utama Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan ini.

Bilangan kakitangan Kumpulan pada akhir tahun kewangan ini adalah seramai 81 orang (2002:78). Syarikat tidak mempunyai kakitangan pada akhir tahun ini kerana ia diuruskan oleh syarikat subsidiari milik penuhnya.

Syarikat induk terdekat adalah MEASAT Global Network Systems Sdn. Bhd., dan syarikat induk muktamad adalah MAI Holdings Sdn. Bhd., kedua-duanya diperbadankan di Malaysia.

Syarikat merupakan sebuah syarikat tanggungan terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulu dikenali Bursa Saham Kuala Lumpur).

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah:

Aras 39, Menara Maxis
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur

Alamat bagi tempat utama perniagaan Syarikat adalah:

Aras 7, Menara Maxis
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur

2 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan Kumpulan berusaha untuk memastikan supaya Kumpulan menguruskan dan meminimumkan dengan berkesan risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti perniagaan, iaitu pertukaran asing, kadar faedah dan risiko kredit.

(a) Risiko Pertukaran Matawang Asing

Pendedahan risiko pertukaran asing Kumpulan diuruskan dalam rangka kerja kawalannya bagi meminimumkan kesan jangka pendek daripada turun naik kadar pertukaran asing.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kebanyakan urusan asing Kumpulan buat masa ini dijalankan dalam Dolar AS yang mempunyai kadar pertukaran tetap berbanding Ringgit Malaysia, maka pendedahan kepada turun naik kadar pertukaran asing adalah kecil.

(b) Risiko Kadar Faedah

Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedahnya dengan mengekalkan campuran antara pinjaman berkadar tetap dan terapung. Kumpulan giat mengkaji portfolio hutangnya, dengan mengambilkira aktiviti perniagaannya yang berterusan. Strategi ini membolehkannya mengambil kesempatan ke atas pembiayaan yang lebih murah dalam persekitaran kadar faedah yang rendah dan mencapai had perlindungan yang tertentu daripada kenaikan kadar.

•• **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)**

31 Disember 2003

2 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(c) Risiko Kredit

Kumpulan terdedah kepada kerugian berkaitan risiko kredit jika para pelanggannya mengingkari pembayaran. Kumpulan mengawal risiko kreditnya melalui penggunaan kelulusan kredit dan memerlukan para pelanggannya meletakkan deposit cagaran bagi menjamin pelanggan memenuhi obligasi mereka. Penerimaan perdagangan dipantau secara berterusan.

3 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara seragam dalam menguruskan perkara yang dianggap penting berhubung penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah dan selaras dengan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Piawaian perakaunan baru yang diterima pakai dalam penyata kewangan ini adalah seperti berikut:

- MASB 25 "Cukai Pendapatan"
- MASB 27 "Kos Pinjaman"
- MASB 29 "Manfaat Kakitangan"

Kecuali bagi MASB 25, penggunaan piawaian baru ini tidak mempunyai kesan ketara ke atas keuntungan bersih atau ekuiti pemegang saham kerana Kumpulan telahpun mengikuti prinsip pengiktirafan dan pengukuran piawaian tersebut. Kesan dari terima pakai MASB 25 dinyatakan dalam Nota 28 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan ini ialah selaras dengan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 yang memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan pada tarikh penyata kewangan dan amaun hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan yang dilaporkan. Walaupun anggaran tersebut berdasarkan kepada pengetahuan terbaik Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

(b) Asas penyatuan

Syarikat-syarikat subsidiari ialah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti mereka. Syarikat subsidiari disatukan dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan tersebut tamat.

Syarikat subsidiari disatukan dengan kaedah pengambilalihan perakaunan. Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan syarikat subsidiari yang diambilalih atau dilupus dimasukkan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh pelupusan.

Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat subsidiari ditentukan dan nilai tersebut ditunjukkan dalam penyata kewangan yang disatukan. Lebihan kos pengambilalihan ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan dalam aset bersih yang boleh dikenalpasti sebagai milik syarikat subsidiari pada tarikh pengambilalihan ditunjukkan sebagai muhibah daripada penyatuan. Rujuk dasar perakaunan Nota (o) mengenai muhibah.



3 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(b) Asas penyatuan (sambungan)

Semua urusan antara syarikat, baki dan keuntungan tidak direalisasi daripada urusan antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan dihapuskan. Kerugian tidak direalisasi juga dihapuskan kecuali jika kos tidak boleh diperolehi semula. Jika perlu, pelarasan dilakukan ke atas penyata kewangan syarikat subsidiari bagi memastikan keselarasan dengan dasar perakaunan Kumpulan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan sesebuah syarikat subsidiari adalah perbezaan antara kutipan penjualan bersih dengan bahagian Kumpulan dalam aset bersihnya.

(c) Hartanah, loji dan peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang tempoh anggaran hayat kegunaannya. Kadar susutnilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan	2%
Peralatan telekomunikasi	8% – 10%
Peralatan pejabat	15%
Perabot dan kelengkapan dan pengubahsuaian	15%
Komputer	20%
Kenderaan bermotor	20%

Susutnilai ke atas kerja dalam pelaksanaan berhubung dengan MEASAT-3 dan kemudahan satelit bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, satu analisis dijalankan untuk menaksir sama ada amaun bawa aset tersebut boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika amaun bawa aset melebihi amaun yang boleh diperolehi semula. Rujuk dasar perakaunan Nota (p) mengenai kemerosotan nilai aset.

Keuntungan dan kerugian daripada penjualan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan amaun bawa dan diambilkira dalam keuntungan/(kerugian) daripada operasi.

Pembaikan dan penyenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh ia ditanggung.

(d) Cukai

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai di setiap negara di mana Syarikat beroperasi dan meliputi semua cukai berdasarkan keuntungan yang boleh dicukai termasuk cukai pegangan perlu dibayar.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah tanggungan, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun aset dan tanggungan untuk tujuan cukai dengan jumlah bawanya dalam penyata kewangan.

•• **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)**
31 Disember 2003

3 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(d) Cukai (sambungan)

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat kemungkinan wujudnya keuntungan yang boleh dicukai ditolak daripada perbezaan sementara yang boleh ditolak atau kerugian cukai tidak digunakan yang boleh digunakan.

Kadar cukai yang telah dikuatkuasakan atau kebanyakannya dikuatkuasakan pada tarikh kunci kira-kira digunakan untuk menentukan cukai tertunda.

(e) Matawang asing

(i) Laporan matawang

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia.

(ii) Urusniaga dan baki matawang asing

Urusniaga matawang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset dan tanggungan dalam matawang asing pada tarikh kunci kira-kira telah diterjemah kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pembayaran urusniaga matawang asing dan penterjemahan aset dan tanggungan dalam matawang asing dimasukkan dalam penyata pendapatan.

(iii) Kadar penutup

Kadar penutup utama yang digunakan dalam penterjemahan amaun matawang asing adalah seperti berikut:

Matawang asing	<u>31.12.2003</u>	<u>31.12.2002</u>
1 Dolar AS	RM3.8	RM3.8

(f) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari ialah syarikat di mana Syarikat mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktivitiya.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari ditunjukkan pada kos. Jika petunjuk kemerosotan nilai wujud, amaun bawa pelaburan tersebut ditaksir dan diturunkan dengan segera kepada amaun yang boleh diperolehi semula. Rujuk dasar perakaunan Nota (p) mengenai kemerosotan nilai aset.

Kos luaran yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan syarikat subsidiari, selain daripada kos penerbitan saham dan instrumen modal lain, dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pengambilalihan.

Semasa pelupusan sesuatu pelaburan, perbezaan antara kutipan jualan bersih dengan nilai bawanya dicaj/ dikredit kepada penyata pendapatan.

(g) Tunai dan bersamaan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai meliputi tunai dalam tangan dan di bank, deposit dengan bank berlesen yang sedia untuk ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak begitu ketara.



3 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(h) Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf apabila perkhidmatan diberi. Amaun yang diinvois terdahulu daripada tempoh perkhidmatan dicatat sebagai pendapatan tertunda dalam kunci kira-kira.

Pendapatan operasi lain yang diperolehi oleh Kumpulan dan Syarikat diiktiraf berasaskan berikut:

- (i) Pendapatan faedah diakru berasaskan masa, dengan rujukan kepada jumlah pokok tertunggak dan kadar faedah yang berkenaan.
- (ii) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran ditentukan.

(i) Penerimaan

Penerimaan dibawa pada amaun diinvois tolak anggaran yang dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan amaun tertunggak pada akhir tahun. Hutang lapuk dihapuskan dalam tahun kewangan di mana ia dikenalpasti.

(j) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan yang dibawa dalam kunci kira-kira meliputi wang tunai dan baki bank, penerimaan, pembayaran dan pinjaman. Kaedah pengiktirafan tertentu yang diterima pakai bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam penyata dasar berasingan yang berkaitan dengan setiap perkara.

Anggaran nilai saksama bagi tujuan pendedahan

Dalam menaksir nilai saksama instrumen kewangan, Kumpulan dan Syarikat membuat andaian tertentu dan menggunakan kaedah aliran tunai yang didiskaunkan bagi mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan untuk menentukan nilai saksama instrumen kewangan. Nilai saksama tanggungan kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa yang sedia ada kepada Kumpulan dan Syarikat.

Nilai saksama bagi aset dan tanggungan kewangan yang mempunyai tempoh matang kurang dari satu tahun diandaikan hampir sama dengan nilai saksamanya.

(k) Pembayaran

Pembayaran perdagangan dan pembayaran lain, termasuk akruan merupakan tanggungan bagi barangan dan perkhidmatan yang diberikan kepada Kumpulan dan Syarikat sebelum akhir tahun kewangan dan yang belum dibayar.

(l) Pinjaman

(i) Pengkelasan

Pada peringkat permulaan, pinjaman diiktiraf berasaskan kutipan yang diterima, selepas ditolak kos terbitan yang ditanggung. Pinjaman dinyatakan pada kos selepas pelunasan dengan menggunakan kaedah hasil berkesan.

Kos terbitan tertunda mewakili kos penyediaan pinjaman yang ditanggung untuk mendapatkan kemudahan pinjaman Kumpulan dan dinyatakan pada kos tolak amaun yang diperuntukkan kepada pinjaman apabila dikeluarkan, yang mana manfaatnya berlanjutan ke tempoh selepas tempoh perakaunan yang mana ia ditanggung. Amaun yang diperuntukkan kepada pinjaman kemudiannya dilunaskan kepada penyata pendapatan.

Faedah diakru sepanjang tempoh ia ditanggung dan dicatat sebagai sebahagian daripada akruan lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan) 31 Disember 2003

3 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(l) Pinjaman (sambungan)

(ii) Permodalan kos pinjaman

Kos pinjaman yang ditanggung untuk membiayai pembinaan hartanah, loji dan peralatan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos hartanah, loji dan peralatan sepanjang tempoh yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan aset tersebut untuk digunakan. Semua kos pinjaman lain dibelanjakan.

(m) Modal saham

(i) Pengkelasan

Saham biasa dengan dividen budi bicara dikelaskan sebagai ekuiti.

(ii) Dividen

Dividen ke atas saham biasa diiktiraf sebagai tanggungan apabila diisytiharkan sebelum tarikh kunci kira-kira. Dividen yang disyorkan atau diisytiharkan selepas tarikh kunci kira-kira tetapi sebelum penyata kewangan diluluskan untuk diterbitkan, tidak diiktiraf sebagai tanggungan pada tarikh kunci kira-kira tetapi sebagai pembahagian daripada pendapatan tersimpan kepada 'rezab dividen yang disyorkan'. Apabila dividen perlu dibayar, ia akan diambil kira sebagai tanggungan.

(n) Pajakan

(i) Pajakan kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan memiliki sebahagian besar manfaat dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada yang mana lebih rendah antara nilai saksama hartanah yang dipajak atau nilai semasa pembayaran pajakan minimum. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara tanggungan dan caj kewangan untuk mencapai kadar yang seragam pada baki pembiayaan tertunggak. Obligasi sewa yang berkaitan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah daripada caj kewangan dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli di bawah pajakan kewangan disusutnilai sepanjang tempoh anggaran hayat kegunaan aset tersebut. Apabila tiada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Kumpulan, aset berkenaan disusutnilai pada yang mana lebih pendek antara tempoh pajakan dan tempoh anggaran hayat kegunaannya.

(ii) Pajakan operasi

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemajak dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemajak) dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan berasaskan garis lurus.

Apabila sesuatu pajakan operasi ditamatkan sebelum tamat tempoh pajakan, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada pemajak disebabkan oleh penalti diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tempoh penamatan tersebut berlaku.



3 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(o) Muhibah

Muhibah mewakili lebih daripada kos pengambilalihan syarikat subsidiari berbanding nilai saksama aset bersih bahagian Kumpulan yang boleh dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah daripada penyatuan dilaporkan dalam kunci kira-kira sebagai aset kekal tidak ketara dalam kunci kira-kira. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, satu analisis dijalankan untuk menaksir sama ada amaun bawa aset tersebut boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika amaun bawa melebihi amaun boleh diperolehi semula.

(p) Kemerosotan nilai aset

Hartanah, loji dan peralatan dan aset bukan semasa lain, termasuk aset tidak ketara, dikaji semula bagi kerugian kemerosotan nilai apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa amaun bawa mungkin tidak boleh diperolehi semula. Amaun boleh diperolehi semula adalah yang mana lebih tinggi antara harga jualan bersih dengan nilai kegunaan aset berkenaan. Bagi tujuan penilaian kemerosotan nilai, aset dikumpulkan pada tahap yang terendah yang mana aliran tunai yang terhasil boleh dikenalpasti secara berasingan.

Kerugian kemerosotan nilai dicaj kepada penyata pendapatan kecuali jika ia membalikkan penilaian terdahulu yang mana dalam keadaan tersebut ia dicaj kepada lebih penilaian semula. Sebarang kenaikan berikutnya dalam amaun boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali jika ia membalikkan kerugian kemerosotan nilai ke atas aset yang telah dinilai semula yang mana dalam keadaan tersebut dimasukkan ke lebih penilaian semula.

(q) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit bergaji, bonus dan manfaat bukan kewangan diakru pada tempoh perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan Kumpulan.

(ii) Manfaat selepas perkhidmatan

Pelan caruman bertakrif

Kumpulan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman Kumpulan kepada pelan caruman bertakrif dicaj kepada penyata pendapatan pada tempoh yang berkenaan. Apabila caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai obligasi selanjutnya.

(r) Laporan segmen

Laporan segmen dibentangkan untuk mempertingkatkan penilaian risiko dan pulangan Kumpulan. Segmen perniagaan menyediakan perkhidmatan yang berbeza daripada segmen perniagaan lain. Penyata geografi menyediakan perkhidmatan di dalam persekitaran ekonomi tertentu yang tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berbeza daripada komponen yang beroperasi di dalam persekitaran ekonomi lain.

Hasil, perbelanjaan, aset dan tanggungan mengikut segmen adalah amaun yang terhasil daripada aktiviti operasi sesebuah segmen yang berkaitan secara langsung dengan segmen berkenaan dan bahagian yang berkenaan yang boleh diperuntukkan secara munasabah mengikut segmen. Hasil, perbelanjaan, aset dan tanggungan segmen ditentukan sebelum baki dan urusan dalam Kumpulan dihapuskan sebagai sebahagian daripada proses penyatuan, kecuali setakat mana baki dan urusan dalam Kumpulan adalah antara perniagaan Kumpulan dalam segmen yang sama.

•• **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)**
31 Disember 2003

4 LAPORAN SEGMENT

Segment perniagaan utama Kumpulan adalah operasi rangkaian satelit oleh sebuah syarikat subsidiari, Binariang Satellite Systems Sdn Bhd ("BSS") dan pemegangan pelaburan. Laporan segment bagi tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

(a) Format laporan utama – segment perniagaan

	Operasi satelit	Pemegangan pelaburan	Kumpulan
	RM'000	RM'000	RM'000
<u>Tahun berakhir 31.12.2003</u>			
Segment perniagaan			
Hasil			
Jumlah hasil	126,714	0	126,714
Keputusan			
Keputusan segment	29,163	(656)	28,507
Pendapatan faedah			2,527
Keuntungan daripada operasi			31,034
Kos pembiayaan			(29,504)
Keuntungan sebelum cukai			1,530
Cukai			(3,336)
Kerugian selepas cukai			(1,806)
Tiada hasil antara segment			
Maklumat lain			
Aset segment	727,153	1,206,014	1,933,167
Tanggungan segment	(14,797)	(3,107)	(17,904)
Tanggungan tidak diperuntukkan			(452,649)
			(470,553)
Perbelanjaan modal	(347,133)	0	(347,133)
Susutnilai	(56,664)	0	(56,664)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

31 Disember 2003



4 LAPORAN SEGMENT (sambungan)

(a) Format laporan utama – segmen perniagaan (sambungan)

	Operasi satelit	Pemegangan pelaburan	Kumpulan
	RM'000	RM'000	RM'000
<u>Tahun berakhir 31.12.2002</u>			
<u>Segmen perniagaan</u>			
Hasil			
Jumlah hasil	95,135	0	95,135
Keputusan			
Keputusan segmen	26,590	(672)	25,918
Pendapatan faedah			9,911
Keuntungan daripada operasi			35,829
Kos pembiayaan			(14,344)
Keuntungan sebelum cukai			21,485
Cukai			(32,120)
Kerugian selepas cukai			(10,635)
Tiada hasil antara segmen			
Maklumat lain			
Aset segmen	554,879	1,206,529	1,761,408
Tanggungan segmen	(24,888)	(3,417)	(28,305)
Tanggungan tidak diperuntukkan			(268,683)
			(296,988)
Perbelanjaan modal	(1,388)	0	(1,388)
Susutnilai	(37,855)	0	(37,855)

•• **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)**
31 Disember 2003

4 LAPORAN SEGMENT (sambungan)

(b) Format laporan sekunder – segmen geografi

Segmen perniagaan Kumpulan beroperasi dalam dua kawasan geografi utama seperti yang ditunjukkan di bawah, yang terdiri daripada sewaan transponder satelit:

	<u>Hasil</u>	<u>Jumlah aset</u>	<u>Perbelanjaan modal</u>
<u>Tahun berakhir 31.12.2003</u>	RM'000	RM'000	RM'000
Malaysia	93,870	501,336	347,133
Filipina	15,694	0	0
Negara-negara lain	17,150	0	0
Aset tidak diperuntukkan*	0	1,431,831	0
	<u>126,714</u>	<u>1,933,167</u>	<u>347,133</u>
	<u>Hasil</u>	<u>Jumlah aset</u>	<u>Perbelanjaan modal</u>
<u>Tahun berakhir 31.12.2002</u>	RM'000	RM'000	RM'000
Malaysia	59,994	275,276	1,388
Filipina	22,223	0	0
Negara-negara lain	12,918	0	0
Aset tidak diperuntukkan*	0	1,486,132	0
	<u>95,135</u>	<u>1,761,408</u>	<u>1,388</u>

*Termasuk dalam aset-aset yang tidak diperuntukkan ialah nilai buku bersih satelit sebanyak RM245,242,000 (2002:RM299,543,000) dan muhibah. Satelit ini digunakan atau bertujuan untuk digunakan, bagi transmisi kepada pelbagai kawasan geografi dan dengan itu tidak boleh diperuntukkan di antara segmen geografi.

Untuk menentukan segmen geografi Kumpulan, hasil adalah berasaskan kepada negara lokasi pelanggan. Tidak ada hasil antara segmen. Jumlah aset dan perbelanjaan modal adalah berasaskan lokasi aset berkenaan.

5 HASIL

	<u>Kumpulan</u>	
	<u>2003</u>	<u>2002</u>
	RM'000	RM'000
Yuran sewa pajakan transponder	<u>126,714</u>	<u>95,135</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

31 Disember 2003



6 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DARIPADA OPERASI

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi dinyatakan selepas mengecaj/(mengkredit):				
Imbuan juruaudit				
– audit berkanun	72	72	21	21
– lain-lain	18	75	18	62
Elaun bagi hutang ragu	165	0	0	0
Imbuan Pengarah				
– yuran	137	116	97	116
– elaun lain	49	0	49	0
Perbelanjaan sewa bangunan				
– pihak berkaitan	596	415	0	7
– lain-lain	653	429	0	0
Sewa kenderaan bermotor				
– pihak berkaitan	117	76	0	0
– lain-lain	10	0	0	0
Kos kakitangan	9,237	4,622	0	80
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	56,664	37,855	0	0
Pendapatan faedah				
– pihak berkaitan	0	(348)	0	0
– lain-lain	(2,527)	(9,563)	(512)	(7,435)
Pendapatan sewa – pihak berkaitan	(25)	(17)	0	0
Kerugian pertukaran tidak direalisasi	0	3	0	0

Caruman Kumpulan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM703,000 (2002:RM402,000) dimasukkan dalam kos kakitangan.

7 KOS PEMBIAYAAN

	Kumpulan	
	2003 RM'000	2002 RM'000
Ansuran keuntungan ke atas SHSI	9,931	13,744
Yuran berkaitan SHSI	2,375	600
Perbelanjaan faedah – bank berlesen	5,369	0
Kos terbitan tertunda SHSI	10,528	0
Pelunasan kos terbitan tertunda	664	0
Kos pembiayaan lain	637	0
	29,504	14,344

•• **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)**
31 Disember 2003

8 CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<u>Bagi tahun semasa</u>				
Cukai pendapatan Malaysia	143	2,104	136	2,074
Cukai tertunda	3,200	30,000	0	0
	3,343	32,104	136	2,074
<u>Bagi tahun sebelumnya</u>				
Cukai pendapatan Malaysia	(7)	16	(7)	16
	3,336	32,120	129	2,090

Cukai semasa bagi Syarikat adalah berhubung dengan caj cukai ke atas pendapatan faedah. Cukai semasa bagi Kumpulan adalah berhubung dengan caj cukai ke atas pendapatan sewa dan pendapatan faedah.

Penjelasan tentang hubungan antara kadar cukai Malaysia dan kadar cukai berkesan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	%	%	%	%
Kadar cukai Malaysia	28	28	(28)	28
Kesan cukai daripada:				
